

04/03/2000

Program asing Astro akan diteliti

Kadir Dikoh; Nasir Hassan; Munaarfah Abu Bakar
KUALA LUMPUR, Jumaat - Kementerian Penerangan akan meneliti kandungan program asing yang disiarkan menerusi stesen satelit Astro dan akan membendungkannya jika ia didapati mempengaruhi penonton tempatan dengan unsur negatif.

Menterinya, Tan Sri Khalil Yaakob, berkata kementerian itu menerima banyak aduan orang ramai bahawa sebahagian program Astro bertentangan dengan nilai tempatan.

"Aduan ini menyatakan ada program memberi pengaruh tidak baik dalam masyarakat kita," katanya di sini, hari ini.

Semalam, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata kerajaan perlu mengkaji sama ada kemasukan program asing yang disiarkan menerusi stesen satelit Astro itu mempengaruhi rakyat tempatan atau tidak.

Beberapa tokoh masyarakat, karyawan dan budayawan tempatan mendesak kerajaan mengawal kemasukan program asing yang disiarkan oleh Astro.

Mereka bimbang kesan penyiaran program asing itu terhadap perpaduan kaum yang sudah lama dipupuk dan kemungkinan memberi kesan buruk terhadap hala tuju serta jati diri bangsa pada masa depan.

Ditanya sama ada Astro tidak diwajibkan untuk menyiarkan peratusan tertentu program tempatan seperti dikenakan terhadap stesen televisyen tempatan, Khalil berkata: "Astro adalah stesen satelit. Oleh itu, kita tidak mengenakan syarat seumpamanya. Namun, sekarang ini sudah ada aduan dan kita akan mengkaji perkara itu."

Astro mempunyai 29 saluran televisyen untuk kira-kira 310,000 pelanggan sekarang. Ia menawarkan tiga pakej iaitu dunia, filem dan Dinasti.

Pakej Dinasti khusus menyiarkan program berbahasa Cina iaitu Astro AEC, TVBS Asia, Phoenix dan Astro Wah Lai Toi di samping saluran berita stesen tempatan dan hiburan yang turut disiarkan menerusi pakej lain.

Siaran berita TVBS misalnya dipancarkan dari Hong Kong dan kebanyakan berita mengenai perkembangan di China berikutan bekas tanah jajahan itu kini sebahagian daripada tanah besar.

Tokoh masyarakat dan budayawan tempatan bimbang sogokan berterusan program dan berita mengenai China boleh menyebabkan penonton saluran itu bukan saja tidak lagi mengendahkan perkembangan dalam negeri malah terpengaruh dengan pemikiran rakyat negara itu.

Di KOTA BHARU, Mursyidul Am Pas, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Aziz menyambut baik cadangan kerajaan mengkaji kemasukan program asing menerusi stesen televisyen satelit itu.

Beliau berkata, walaupun penyiaran program asing menerusi Astro itu perlu, ia patut dikawal.

Beliau turut menyokong saranan supaya kerajaan mengkaji semula dasar langit terbuka supaya rakyat tidak dipengaruhi unsur negatif yang boleh membawa keruntuhan akhlak.

"Mana ada manusia boleh hidup dengan terbuka tanpa kawalan, walau bagaimana demokrasi pun ia tidak boleh terbuka tanpa kawalan," katanya di Lapangan Terbang Sultan Yahya Petra, Pengkalan Chepa, dekat sini, petang ini, sebelum berlepas ke Kuala Lumpur untuk menghadiri majlis dialog anjuran DAP, malam ini.

Sementara itu, dua tokoh akademik berkata, kecenderungan penonton Cina tempatan terhadap program asing yang ditayangkan di Astro tidak sewajarnya dipandang serong tetapi harus dianggap sebagai pengisian hiburan dan budaya.

Pensyarah Kanan Fakulti Pengajian Melayu Universiti Malaya (UM), Prof Dr Norazit Selat, berkata penonton di negara ini sudah lama didedahkan dengan program asing dari Barat tetapi secara realitinya tidak ramai terpengaruh dan terikut-ikut dengan gaya hidup sebegitu.

Beliau berkata, tahap intelektual dan pendedahan pendidikan generasi kini jauh lebih baik dan matang berbanding generasi sebelumnya, menyebabkan masyarakat secara keseluruhan lebih kritis terhadap sebarang maklumat yang disampaikan.

Sehubungan itu, beliau berharap kalangan politik menghentikan sentimen perkauman terutamanya dalam mempersoalkan kesetiaan satu-satu bangsa terhadap tanah air.

"Dalam mencari satu identiti masyarakat majmuk Malaysia, kita sepatutnya berusaha mencari landasan yang dapat menyatupadukan rakyat agar dapat dikongsi oleh semua lapisan masyarakat.

"Contoh paling mudah adalah melalui sukan. Melalui badminton dan hoki misalnya, rakyat pelbagai kaum sama-sama bersatu menyokong negara. Begitu juga dengan aktiviti 'Malaysia Boleh' seperti dilakukan oleh Datuk Azhar Mansur. Itu adalah sesuatu yang membangga dan menyatupadukan rakyat," katanya.

Prof Datuk Dr Syed Arabi Aidid dari Fakulti Komunikasi Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pula berkata, Astro bukanlah satu-satunya sumber bagi program asing di negara ini.

Katanya, pengaruh asing yang tidak sihat tidak semestinya datang dari program televisyen semata-mata. Proses globalisasi yang menjadikan ruang tiada sempadan, Internet, video dan televisyen internet, turut membawa pengaruh asing.

Beliau berharap, RTM dan stesen televisyen tempatan lain dapat menyediakan rancangan televisyen bermutu untuk menarik penonton.

Katanya, keadaan itu dapat dicapai jika pendapat atau program yang disampaikan kepada penonton lebih bermutu dan mencabar minda mereka.

"Masyarakat kita semakin canggih dan dengan pelbagai medium yang ada seperti Internet dan tidak lama lagi televisyen Internet, saya rasa sukar bagi kerajaan membuat kawalan sepanjang masa.

"Apa yang kita harapkan adalah masyarakat bersedia dengan kesan globalisasi dan mementingkan norma kekeluargaan. Mereka juga harus bijak memilih dan kritikal dengan apa yang mereka terima dari satu-satu medium itu," katanya.

(END)